

# Pedagang diseru lebih dinamik dalam usaha baru cari pemasaran

16 NOV 1983

**S**HAH ALAM 15 Nov. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyeru pedagang - pedagang Malaysia yang menjalankan urusniaga secara langsung di peringkat antarabangsa supaya mengambil langkah yang lebih dinamik dan agresif di dalam usaha baru untuk mencari pemasaran.

Pada masa sekarang, kata Perdana Menteri, Malaysia mempunyai barangan yang boleh dipasarkan tetapi kekurangan golongan pemasar bagi mengendalikan perkhidmatan pemasaran.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, kepakaran di dalam bidang tertentu bukan menjadi hak sesebuah negara sahaja, oleh itu, di samping menjadi sebuah negara pembekal sumber asli yang berkesan, Malaysia juga harus mengambil daya usaha lebih bermakna dalam perdagangan antarabangsa sebagai 'pemasar', kata beliau ketika berucap melancarkan 'Malaysian Transnational Trading' (Mattra) di United Motor Works di sini tengah hari ini.

Syarikat perdagangan

am berbentuk sogoshosha itu adalah gabungan kumpulan Fima Berhad, United Motor Works (Malaysia) Holdings Berhad dan Palmco Holdings Berhad.

Kata Perdana Menteri, beliau ingin melihat lebih banyak syarikat di negara ini bergabung bagi menentukan kejayaan berkesan pusat perdagangan negara ini di peringkat antarabangsa.

Menurut beliau, oleh kerana perdagangan antarabangsa telah menjadi semakin bersaing dan ditambah dengan sentimen negara perlindungan, sektor swasta terpaksa menempuh kegiatan ekonomi dengan perspektif dan dimensi yang baru.

Dalam hubungan penubuhan syarikat - syarikat perdagangan am di negara ini, beliau berkata syarikat - syarikat tempatan bukan sahaja perlu menyedari hakikat persaingan tetapi juga harus cekap di dalam mengendalikan kos dan perkhidmatan.

## Peranan

Di Malaysia, tambah Perdana Menteri, sektor swasta diberi peranan yang lebih tinggi bagi memberi sumbangan kepada keadaan ekonomi di bawah konsep 'Persyarikatan Malaysia' dan 'Penswastaan'.

Katanya, sektor swasta bukan sahaja perlu menjaga kedudukan mereka dalam bidang kewangan tetapi juga harus

mengambil langkah yang positif dalam menyusun semula peranan korporat dan kegiatan - kegiatannya sesuai dengan perubahan masa.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau gembira kerana dapat melancarkan sebuah syarikat perdagangan am ala sogoshosha buat pertama kalinya. Semasa di Tokyo baru - baru ini, beliau telah merasmikan pejabat cawangan Mattra.

Menurut Perdana Menteri, beliau percaya syarikat Mattra akan mencapai kemajuan dan meningkatkan perdagangan asing.

Menyentuh mengenai kemajuan syarikat ala sogoshosha lain di negara

ini, beliau berkata syarikat - syarikat berkenaan tidak dijalankan dengan secara aktif sebagaimana yang beliau kehendaki.

Katanya, syarikat - syarikat itu perlu melibatkan diri dengan secara aktif dalam perdagangan secara langsung serta menggunakan kemudahan - kemudahan tempatan umpamanya dalam bidang insurans, perkapalan dan gudang.

Beliau juga menegaskan bahawa syarikat - syarikat perdagangan am di negara ini akan hanya didapati layak untuk dipertimbangkan menerima bantuan kerajaan jika ia memenuhi beberapa syarat antara lain meliputi peningkatan dagangan.